

Dr. Mahathir alami selesema, jalani pemeriksaan di IJN

Um - 12/2/2007

KUALA LUMPUR 11 Feb. - "Doktor kata beliau ok. Tidak serius seperti dulu (November). Beliau masih menjalani pemeriksaan," kata Datuk Mokhzani Tun Dr. Mahathir mengenai bapanya yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini hari ini.

Beliau berkata: "Ia hanya selesema sahaja dan tidak ada kena mengena dengan jantung."

Mokhzani berkata, bapanya dimasukkan ke IJN pada pukul 1 pagi tadi "setelah mengadu tidak selesa."

"Alhamdulillah, Tun telah dimasukkan ke wad biasa setelah pada awalnya dimasukkan ke Unit Rawatan Jantung (CCU)," kata Mokhzani kepada pemberita apabila ditemui di IJN.

Katanya, bapanya yang dikenalpasti kurang sihat kerana jangkitan flu akan



diperiksa dalam tempoh dua hari sebelum dibenarkan pulang.

Sebelum itu, pembantu Dr. Mahathir Sufi Yusoff berkata, bekas perdana menteri pada mulanya dimasukkan ke CCU atas nasihat doktor peribadinya yang bertugas di IJN untuk memastikan pemeriksaan rapi dijalankan ke atas beliau.

"Tiada apa yang perlu dibimbangkan tentang kesihatan Tun

kerana dia boleh berjalan dan bercakap seperti biasa.

"Buat masa ini Tun menjalani pemeriksaan biasa di wad Bunga Raya. Pada mulanya Tun mengalami jangkitan flu, apabila tiba di sini, biasalah pihak IJN akan membuat pemeriksaan darah, perubatan dan lain-lain sejak pagi tadi," katanya.

- Bernama